



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
PARAS 7, BLOK J,
PUSAT BANDAR DAMANSARA,
50604 KUALA LUMPUR.

Telefon: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP(BS)8591/Jld. XVII(10)
20 April 2000

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 10/2000
Tahun Pusat Sumber Sekolah (PSS) 2000

Pada masa kini, dunia global sedang mengalami ledakan pengetahuan dan perkembangan teknologi maklumat (IT) yang amat pesat. Kemajuan tersebut telah mendatangkan impak yang sangat ketara dalam pelaksanaan sistem pendidikan di kebanyakan negara, termasuk Malaysia.

2. Dalam usaha untuk memantapkan dan memajukan lagi sistem pendidikan selaras dengan pembangunannya ke tahap kualiti bertaraf dunia, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi penekanan yang sewajarnya dalam pelaksanaan pelbagai program yang berkaitan dengan Pusat Sumber Sekolah (PSS) dan Perkhidmatan Media Pendidikan di seluruh negara. Usaha ini juga adalah sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan seterusnya mengupayakan generasi muda untuk mengharungi cabaran dunia abad ke-21 dengan lebih cemerlang.

3. Surat Pekeliling IKhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan memaklumkan keputusan Kementerian Pendidikan melancarkan Tahun PSS 2000 bagi semua sekolah seluruh negara. Tahun 2000 dipilih sebagai Tahun PSS bagi tujuan menyedarkan dan menggalakkan semua sekolah agar mempertingkatkan usaha bagi menaikkan taraf PSS dari segi kemudahan fizikal, alatan dan bahan, pengurusan dan pengelolaan, serta penggunaan PSS dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, ia diharap turut menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Bagi tujuan tersebut, kempen dan gerakan boleh dijalankan di peringkat kebangsaan, negeri, daerah, dan juga sekolah.

4. Dalam mempertingkatkan kemudahan, pengurusan, dan penggunaan PSS, pihak sekolah hendaklah membentuk mekanisme pelaksanaan yang terancang melalui pelbagai program, projek, dan aktiviti. Hal ini boleh dilakukan dengan bantuan, nasihat, dan pemantauan pelbagai pihak dan peringkat selari dengan perkembangan teknologi maklumat terkini. Untuk mencapai hasrat tersebut, pihak sekolah hendaklah berusaha:

- 4.1 Menyediakan bilik PSS yang sesuai dengan bilangan murid serta dilengkapi perabot yang mencukupi untuk keperluan sesuatu masa dan kedudukan bilik tersebut hendaklah sesuai dan strategik;

- s.k.
1. Y.B. Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad
Menteri Pendidikan Malaysia.
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan.
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan.
 4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan.
 5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan.
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan.
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan.
 8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan.
 9. Ketua Nasir Sekolah.
 10. Pegawai Perhubungan Awam.